



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI
PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

**MAJLIS PERASMIAN PROJEK PERDANA SOLAR
KEDIAMAN
DI BAWAH PROGRAM CREAM**

26 SEPTEMBER 2025, 9:00AM, ELMINA SALES GALLERY

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia Dato' Haji Mad Zaidi Mohd Karli, Ketua Setiausaha, Kementerian Peralihan Tenaga & Transformasi Air ("PETRA")

Yang Berusaha Ir. Roslee bin Esman, Pengarah Jabatan, Perancangan dan Pembangunan Industri, Suruhanjaya Tenaga

Yang Berbahagia Dato' Seri Azmir Merican, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Sime Darby Property

Yang Amat Mulia Tengku Datuk Seri Ahmad Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Ahli Lembaga Pengarah Sime Darby Property;

Yang Berbahagia Dato' Ir. Mohd Sohimin Mohd Alayedin, Pengarah Urusan, Pembangunan Hartanah, Sime Darby Property

Yang Berbahagia Datuk Ir. Megat Jalaluddin bin Megat Hassan, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, Tenaga Nasional Berhad

Barisan pengurusan tertinggi agensi-agensi Kerajaan, Sime Darby Property dan Tenaga Nasional Berhad.

Rakan-rakan media, hadirin hadirat yang saya hormatisekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini di **Majlis Perasmian Projek Solar Kediaman oleh Syarikat Sime Darby di bawah Program Community Renewable Energy Aggregation Mechanism atau CREAM.**
2. Hari ini, kita menyaksikan satu lagi bukti komitmen Kerajaan Malaysia MADANI dalam memacu agenda Peralihan Tenaga Negara melalui inisiatif yang menjadi pemangkin kerjasama strategik antara dua syarikat korporat utama di negara ini iaitu Sime Darby dan Tenaga Nasional Berhad.
3. Ia melambangkan sinergi yang amat kita perlukan dalam merealisasikan aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara rendah karbon yang maju dan makmur.

4. Kerjasama yang diterajui oleh Sime Darby Property, dan GSPARX iaitu anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) ini amat dialu-alukan dan ia membuktikan langkah proaktif sektor korporat dalam menyahut seruan kerajaan bagi menerajui perubahan ke arah masa depan yang lebih lestari, Insya-Allaah.

PROGRAM CREAM SEBAGAI USAHA GALAKKAN PENJANAAN TERAGIH MENYOKONG HASRAT NETR

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Projek Solar Kediaman yang bakal dilancarkan hari ini merupakan antara penyertaan awal bagi Program *Community Renewable Energy Aggregation Mechanism* (CREAM) yang telah diperkenalkan Kementerian saya pada awal tahun ini sebagai kesinambungan kepada pelaksanaan inisiatif akses pihak ketiga bagi pembekalan elektrik hijau kepada pengguna.
6. Menerusi Program CREAM ini, pemilik rumah boleh memajak atau menyewa ruang bumbung premis kediaman mereka kepada pihak ketiga untuk digabungkan dengan ruang bumbung yang lain (aggregation), bagi tujuan pembangunan sistem jana kuasa solar PV untuk

menghasilkan bekalan elektrik hijau kepada pengguna hijau setempat.

7. Pelaksanaan Program ini juga merupakan sebahagian daripada usaha PETRA di bawah kerangka Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara atau *National Energy Transition Roadmap* (NETR), bagi meningkatkan campuran tenaga boleh baharu (TBB) dalam pembekalan elektrik negara kepada 70% menjelang tahun 2050.
8. Sasaran ini bukan sekadar angka, ia adalah komitmen negara untuk menjamin sekuriti tenaga negara, dengan memanfaatkan sumber in-situ dalam negara, menerusi pengurangan kebergantungan kepada bahan api fosil, dan membina daya tahan ekonomi terhadap pasaran tenaga global yang tidak menentu.
9. Bagi tujuan tersebut, kita bertekad untuk mempelbagaikan kaedah penjanaan agar ia tidak bergantung semata-mata kepada penjanaan elektrik daripada loji jana kuasa berskala besar, sebaliknya turut mempergiatkan lagi penyertaan seluruh lapisan masyarakat dalam usaha penjanaan secara teragih atau *distributed generation* di ruang premis bangunan dan kediaman.

10. Inisiatif seperti CREAM dan program *Solar Accelerated Transition Action Plan* atau Solar ATAP yang diumumkan baru-baru ini merupakan inisiatif yang menyokong hasrat tersebut. Pelaksanaan inisiatif penjanaan teragih ini diharap dapat membawa manfaat langsung kepada rakyat, selain membuka peluang ekonomi baharu kepada industri bekalan elektrik dengan mewujudkan ekosistem dan rantaian nilai ekonomi hijau terutamanya industri solar yang lebih rancak, menyeluruh dan berdaya saing.

PERANAN KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA DALAM MENDEPANI USAHA PERALIHAN TENAGA NEGARA

Hadirin Sekalian,

11. Kerajaan sedar bahawa usaha untuk mengecapi aspirasi peralihan tenaga ini tidak akan berjaya tanpa penyertaan aktif sektor swasta. Oleh itu, Kerajaan amat mengalu-alukan penyertaan syarikat-syarikat korporat seperti Sime Darby Property dalam bidang ini.
12. Saya melihat penyertaan Sime Darby Property dalam aspek penjanaan teragih ini menerusi projek solar kediaman di City of Elmina sebagai visi kepimpinan korporat yang inovatif dan melangkaui perniagaan teras

dalam mewujudkan nilai tambahan kepada hartanah yang dibangunkan pihak syarikat.

13. Saya difahamkan bahawa di bawah pelaksanaan projek rintis menerusi inisiatif CREAM ini, Sime Darby akan bertindak sebagai Local Renewable Energy Aggregator, atau Agregator Tenaga Boleh Baharu Tempatan, yang berperanan menggabungkan penjanaan elektrik hijau daripada ruang bumbung kediaman yang dipajak dan memadankan penjanaan tersebut dengan offtaker yang memerlukan bekalan elektrik hijau untuk memenuhi komitmen ESG.
14. Justeru, saya menanti-nantikan kejayaan Sime Darby dalam pelaksanaan program ini agar ia boleh menjadi penanda aras dan pembuktian konsep atau proof of concept untuk pelaksanaan inisiatif penjanaan TBB diperingkat komuniti dan setempat menerusi Program CREAM ini.
15. Saya juga akan memastikan supaya pelaksanaan Program ini akan disokong dengan dasar yang lebih progresif dan mesra perniagaan. Antaranya, baru-baru ini caj akses komuniti atau community access charge (CAC) bagi Program CREAM telah diturunkan 40% daripada 15 sen/kWj kepada 9 sen/kWj. Langkah ini diharap akan

meningkatkan daya maju komersial (comercial viability) dan menjadikan program ini lebih menarik.

16. Pada masa yang sama, saya juga akan memastikan supaya pihak regulator iaitu Suruhanjaya Tenaga Malaysia dan pemilik sistem rangkaian pengagihan (distribution network) iaitu TNB, akan mengutamakan usaha dalam pengukuhan sistem serta rangkaian pengagihan rangkaian sedia ada, agar ia lebih pintar dan fleksibel untuk integrasi TBB yang lebih tinggi di peringkat setempat.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Perjalanan kita dalam merealisasikan aspirasi peralihan tenaga bukanlah satu larian pecut, ia merupakan sebuah maraton yang panjang dan berterusan - *the energy transition journey is not a sprint, it is rather a marathon* - yang mana ia memerlukan perancangan teliti, pelaburan strategik, dan semangat kerjasama yang erat.
18. Oleh itu, projek yang kita rasmikan hari ini adalah pembuktian pelaksanaan inisiatif progresif di bawah kerangka Ekonomi MADANI yang bermatlamat untuk menjadikan ekonomi Malaysia lebih berdaya saing dan

mapan. Seperti kata pepatah, “Muafakat Membawa Berkah”, kejayaan ini hanya dapat dicapai melalui kerjasama padu semua pihak.

19. Besarlah harapan saya agar pelaksanaan projek ini akan mengecapi kejayaan yang dihasratkan, Insya-Allaah.
20. Sekali lagi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Sime Darby Property dan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Projek Solar Kediaman Di Bawah Kerangka CREAM serta penganjuran majlis ini.

Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, saya dengan sukacitanya merasmikan Projek Perdana Solar Kediaman Di bawah Program CREAM.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.